



SIARAN AKHBAR

LAWATAN PERTAMA

**SESI LAWATAN
YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
KE TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN DAN PERIKANAN,
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

Bandar Seri Begawan. Khamis, 23 Januari 2020M - Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini membuat lawatan ke beberapa lokasi Tapak-Tapak Perusahaan Pertanian dan Perikanan di Daerah Brunei dan Muara. Lawatan ini adalah merupakan salah satu daripada beberapa siri lawatan yang telah diatur oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi mengongsikan dan seterusnya memberikan kefahaman serta memberigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian dan perikanan di Negara Brunei Darussalam. Program lawatan kerja ini juga diatitkan bagi memberikan pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai dengan teknik serta sistem perladangan moden dan teknologi-teknologi terkini yang digunapakai oleh pengusaha-pengusaha dalam meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran perusahaan masing-masing; penglibatan anak-anak tempatan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (*joint-venture*) dengan pengusaha-pengusaha asing; dan juga peluang-peluang pekerjaan yang disediakan kepada anak-anak tempatan.

Seramai 11 orang rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyertai program lawatan ini, yang mana disertai sama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan Yang Mulia Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



Turut menyertai lawatan tersebut ialah Yang Mulia Awang Abdul Halidi bin Mohd Salleh dan Yang Mulia Awang Wardi bin Mohd Ali, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Pemangku Pengarah Perikanan serta beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian dan Jabatan-Jabatan didalamnya.

Ladang pertama yang dilawat oleh rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah **Syarikat Gropoint Sdn Bhd** yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku. Syarikat ini merupakan syarikat usahasama diantara pengusaha tempatan dengan pelabur dari luar negara yang giat mengusahakan tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti *musk melon*, *watermelon*, *papaya* dan *golden passion fruit*. Syarikat ini menggunakan sistem rumah terlindung dan sistem fertigasi bagi tanaman *musk melon* yang berkualiti tinggi. Buat masa ini syarikat berkenaan telah diberikan tapak seluas 20 hektar dengan sebanyak 6 buah rumah terlindung telahpun dibangunkan di sebahagian tapak berkenaan. Syarikat berkenaan juga bercadang untuk meluaskan lagi kawasan perusahaan mereka bagi membangunkan lebih banyak lagi rumah-rumah terlindung untuk tanaman *musk melon*. Pada masa ini seramai 8 orang anak tempatan telah diambil bekerja dibawah Syarikat ini.

Sejak mula beroperasi pada tahun 2018, syarikat ini telah berjaya menghasilkan lebih 24,000 kg *musk melon*, dan pada tahun 2019 sahaja telah berjaya mengeksport kira-kira 18,000 kg buah *musk melon* yang bernilai lebih \$140,000.00 ke negara Singapura dan Malaysia.

Pada bulan Disember 2019 yang lalu, satu majlis penandatanganan "Protokol Mengenai Keperluan Fitosanitasi Untuk Pengeksportan Melon Segar dari Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China diantara pihak Pentadbiran Kastam Republik Rakyat China dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam" telahpun diadakan, iaitu Protokol bagi buah *musk melon* untuk tujuan eksport ke Republik Rakyat China. Dengan adanya kebenaran dan penerimaan daripada Republik Rakyat China untuk Negara Brunei Darussalam mengeksport buah *musk melon*, ianya akan membolehkan syarikat tersebut untuk meluaskan lagi pasaran eksport *musk melon* ke Republik Rakyat China



yang dijangka akan mula dieksport pada tahun ini. Ini akan dapat memberikan impak positif serta signifikan kepada peningkatan keluaran industri buah-buahan di negara ini.

Dari Syarikat Gropoint Sdn Bhd, lawatan diteruskan ke tapak **Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku/Katok** yang terletak di Site C3, KKP Tungku, yang berkeluasan 15 hektar. Projek tanaman nenas oleh MPK Tungku/Katok, yang diketuai oleh Awang Haji Ismail bin Haji Rajab, Ketua Kg Tungku/Katok yang juga selaku Ketua Ladang, telah mula diusahakan pada Julai 2018.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya melawat **Syarikat MC Biotech Sdn Bhd** yang juga terletak di tapak *Bio Innovation Corridor*, Kg Tungku, di atas Plot 23-25. Syarikat yang diuruskan oleh Mr. Yuki Kaneda menjalankan kegiatan pemprosesan bagi penghasilan *microalgae (astaxanthin)* di atas tapak seluas 4.1 hektar. Syarikat yang telah mula beroperasi sejak Julai 2016 ini telah berjaya menghasilkan *microalgae (astaxanthin)* pada kadar 2 tan metrik setahun sejak dari tahun 2017, dengan nilai lebih kurang B\$600,000.00 setahun. Pada masa ini, Syarikat mempunyai seramai 35 orang pekerja yang terdiri daripada 32 orang anak tempatan.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara kemudiannya meneruskan lawatan ke KKP Luahan Jerudong, iaitu lawatan ke **Syarikat Perusahaan Bakar bin Berudin** dengan aktiviti perusahaan ternakan itik. Syarikat ini mula bergiat pada tahun 2014 di atas tapak seluas 2.5 hektar dan telah ditawarkan tapak tambahan seluas 2.5 hektar lagi bagi meningkatkan produktiviti dan keluaran perusahaan syarikat berkenaan. Syarikat ini telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran itik dari sebanyak 1,017 ekor pada tahun 2017 kepada 11,652 ekor pada tahun 2019. Syarikat ini mempunyai seramai 3 orang pekerja yang terdiri dari seorang anak tempatan.

Lawatan seterusnya adalah ke **Greenthumb Farm Sdn Bhd** bertempat di Lot K9 & K10, Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (BARC) dengan tapak seluas 5.7 hektar. Syarikat ini diuruskan oleh Mohammed Dzairenny bin Haji Muslim dan telah mula bergiat pada tahun 2018 dengan aktiviti perusahaan tanaman cendawan. Pada



masa ini, Syarikat tersebut memiliki seramai 7 orang pekerja yang terdiri dari seorang anak tempatan.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya melawat ke **Syarikat Hj Sapar** bertempat Lot 16, KKP Lumapas di atas tapak seluas 2 hektar. Syarikat ini diuruskan oleh Wati Binti Haji Bujang dan telah mula bergiat pada tahun 1998 dengan aktiviti perusahaan tanaman sayur-sayuran, ubi kayu dan pelbagai jenis tanaman. Pada tahun 2019, keluaran hasil ladang Syarikat telah meningkat kepada 55,293 kg yang bernilai kira-kira \$124,626.00 berbanding 33,088 kg yang bernilai kira-kira \$67,461.00 pada tahun 2017. Pada masa ini, syarikat ini memiliki seramai 4 orang pekerja yang terdiri dari 2 orang anak tempatan.

Lawatan seterusnya ke **Syarikat Hajah Arnie** bertempat di Lot 15, Kawasan Kemajuan Lumapas dengan tapak seluas 1.75 hektar. Syarikat ini diuruskan oleh Hajah Arnie binti Haji Ali dan telah mula bergiat pada tahun 1997 dengan aktiviti perusahaan tanaman sayur-sayuran, ubi kayu dan pelbagai jenis tanaman. Pada tahun 2019, keluaran hasil ladang Syarikat telah meningkat kepada 12,620 kg yang bernilai kira-kira \$32,527.00 berbanding 11,077 kg yang bernilai kira-kira \$21,593.00 pada tahun 2017. Pada masa ini, Syarikat ini mempunyai pekerja seramai 8 orang yang terdiri dari 4 orang anak tempatan.

Lawatan berakhir di **Syarikat Berry Good Sdn Bhd** yang terletak di Stesen Pertanian Lumapas. Syarikat yang diuruskan oleh Awang Chui Eui Sang @ Eddy Choi menjalankan perusahaan tanaman strawberi dengan menggunakan rumah terlindung serta teknologi pengubahsuaian dan penyejukan suhu (*temperature modification and cooling technology*) sejak dari tahun 2017, dimana pada peringkat awal ini adalah bertujuan sebagai percubaan dan penyelidikan. Melalui kegiatan tersebut, pihak Syarikat telah berjaya menunjukkan bahawa perusahaan tanaman strawberi menggunakan teknologi tinggi, mempunyai potensi untuk dikembangluaskan dan dimajukan di Negara ini. Pihak Syarikat berhasrat untuk meluaskan aktiviti perusahaan penanaman strawberi menggunakan teknologi berkenaan secara komersial dalam masa yang terdekat. Pada masa ini, Syarikat memiliki seramai 4 orang pekerja yang terdiri dari seorang anak tempatan.



Program lawatan bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan diteruskan lagi dengan siri lawatan kedua iaitu lawatan ke Tapak-Tapak Perusahaan Pertanian, Perikanan dan Pelancongan di Daerah Temburong pada hari Isnin, 27 Januari 2020.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Tarikh: 23 Januari 2020

